



**ANUGERAH KECEMERLANGAN INDUSTRI &
MASYARAKAT | 2020**

:: PANDUAN PORTFOLIO ::

**BAGI ANUGERAH RAKAN INDUSTRI/KOMUNITI
TERBAIK**

**DISEDIAKAN OLEH:
PUSAT JARINGAN INDUSTRI & MASYARAKAT**

PANDUAN PORTFOLIO
BAGI ANUGERAH RAKAN INDUSTRI / KOMUNITI TERBAIK

PANDUAN PORTFOLIO

BAGI ANUGERAH RAKAN INDUSTRI / KOMUNITI TERBAIK

Anugerah Kecemerlangan Industri Masyarakat (AKIM) diwujudkan sebagai penghargaan kepada rakan industri / komuniti yang telah memberikan kerjasama terbaik sepanjang melaksanakan projek-projek bersama warga UMP.

Pencalonan adalah daripada setiap fakulti atau PTJ yang merasakan keterlibatan industri/komuniti memberikan impak besar kepada universiti amnya dan membantu dalam penjanaaan UMP khususnya.

Bagi Anugerah Rakan Industri / Komuniti Terbaik ianya merupakan bentuk pengiktirafan dan penghargaan kepada rakan industri dan komuniti atas kerjasama mampan dalam pelaksanaan program / projek jaringan industri dan komuniti berimpak tinggi.

Ianya pasti mewujudkan kelestarian hubungan dengan pihak Universiti di samping penglibatan projek / bidang kerjasama tidak terhad kepada satu program / projek sahaja tetapi boleh dalam pelbagai bidang / program / program kerjasama.

Peringatan !!!

Apa yang perlu dilakukan oleh calon ialah memberikan bukti kukuh tentang pencapaian projek yang dipertandingkan dan bukti ini hendaklah dalam bentuk dokumen, gambar atau bukti nyata dan kukuh.

Terdapat dua (2) bahagian untuk disertakan dalam setiap permohonan.

Setiap permohonan adalah diwajibkan untuk menyertakan Portfolio Anugerah Kecemerlangan Industri & Masyarakat (Kategori Anugerah Rakan Industri / Komuniti Terbaik)

BAHAGIAN 1

- 1- Muka hadapan Portfolio
 - a) Nama Fakulti / PTJ yang mencalonkan
 - b) Nama Pegawai Yang Mencalonkan (Butiran terperinci)
 - c) Nama Industri / Komuniti yang dicalonkan.

BAHAGIAN 2 (KANDUNGAN DAN SUSUNAN PORTFOLIO)

- 1- Nyatakan nama projek yang terlibat beserta tempoh pelaksanaan projek.
- 2- Nyatakan objektif & latar belakang bagi setiap projek.
- 3- Nyatakan pencapaian projek yang berimpak tinggi. Nyatakan juga bagaimana rakan Industri/Komuniti telah menyumbang ke arah mencapai objektif, impak dan kejayaan projek libatsama industri & komuniti yang dinyatakan.
- 4- Nyatakan bentuk penajaan pendapatan samada dalam bentuk tunai / setara (in-kinds).
Terangkan :
 - ✓ sumbangan tenaga atau sumbangan kewangan/in-kind yang signifikan.
- 5- Sejarah jaringan industri/komuniti sebelum projek yang berimpak tinggi bersama dengan rakan industri/komuniti yang dicalonkan. Terangkan :
 - ✓ perkongsian kepakaran / ilmu yang meningkatkan impak projek kepada komuniti.
- 6- Keaktifan calon dalam libatsama bersama UMP bagi projek lain selain projek yang berimpak tinggi. Terangkan :
 - ✓ penglibatan dan sokongan yang aktif & lestari sepanjang projek.
- 7- Penentuan Impak projek adalah berdasarkan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) – **KOMUNITI SAHAJA**. NBOS dilaksanakan dengan empat prinsip utama iaitu:
 1. **HIGH IMPACT (BERIMPAK TINGGI)**
Program/Projek yang dicadangkan memberi kesan/keberhasilan yang tinggi kepada kumpulan sasaran.
 2. **LOW COST (KOS RENDAH)**
Kos untuk melaksanakan projek/program adalah lebih rendah berbanding dengan penggunaan kaedah konvensional/tradisional yang lazim diamalkan.
 3. **RAPID EXECUTION (PELAKSANAAN PANTAS)**
Projek/Program boleh dilaksanakan dengan kadar segera dan impak daripada projek/program boleh dicapai dengan pantas
 4. **SUSTAINABLE (MAPAN)**
Projek/Program mampu dilaksanakan secara berterusan oleh kumpulan sasaran

Nota Tambahan:

Setiap maklumat jaringan perlu disertakan bukti

i. Bahan bukti aktiviti/projek/program yang dijalankan. Contoh: surat jemputan/tawaran menjalankan projek, aturcara program, laporan, gambar/video, modul, latihan dan lain - lain.

Contoh aktiviti :

- Latihan Industri
 - Latihan staf
 - Industry talk
 - lawatan Industri
 - Staf Sangkutan
- Mana-mana aktiviti yang berkaitan

ii. Bahan bukti impak aktiviti/projek/program yang dijalankan. Contoh: testimoni ahli komuniti, pengesahan rakan industri, gambar/video, ulasan/liputan dalam media massa, jurnal, dsb;

iii. No. keahlian, surat lantikan atau bukti keahlian

iv. Bukti sokongan termasuklah :

- MOU /MOA/NDA/LOI
- Email /Surat Rasmi/ Minit Mesyuarat
- Kertas Kerja/ Laporan
- Sijil /Gambar/ Anugerah
- Hakcipta
- Surat Khabar/Journal